

# Tsu Koon jumpa PM atasi masalah kerajaan negeri

13

UM 14 DEC 1999

PUTRAJAYA 13 Dis. — Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini hari ini untuk menyelesaikan masalah berkaitan penubuhan kerajaan baru negeri itu.

Dua minggu selepas pilihan raya umum, Pulau Pinang masih merupakan satu-satunya negeri yang belum mengumumkan barisan anggota Exconya, ekoran perselisihan antara Gerakan yang mengepalai kerajaan negeri dan MCA.

Bagaimanapun Dr. Koh keluar daripada pertemuan selama sejam dengan Perdana Menteri itu tanpa menyatakan sama ada isu itu sudah diselesaikan atau sebaliknya.

"Kita akan umumkan pada masa yang sesuai," katanya kepada *Bernama* sebelum masuk ke dalam keretanya selepas pertemuan itu.

Dr. Mahathir telah memberitahu pemberita semalam bahawa "krisis" itu akan diselesaikan segera.

"Bersabarlah, kita akan selesaikan isu ini segera," kata Dr. Mahathir semalam.

Wartawan bertanya beliau semalam mengenai pembentukan kerajaan negeri ekoran laporan tentang kemungkinan MCA menarik diri daripada pentadbiran negeri setelah ia meminta jawatan Timbalan Ketua Menteri dan tambahan satu kerusi Exco, berbanding dengan dua kerusi Exco pada masa lepas.

Selepas pertemuan hari ini dengan Perdana Menteri, Dr. Koh berkata beliau perlu merujuk kepada banyak orang, termasuk kepimpinan Gerakan, sebelum satu keputusan mengenai perkara itu boleh dibuat.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liok Sik memberitahu pemberita di Pulau Pinang semalam bahawa hubungan parti itu dengan Gerakan adalah tegang.

Dr. Ling telah menemui pemimpin MCA negeri yang telah melahirkan "kekecewaan dan dukacita mengenai perkembangan yang berlaku sejak pilihan raya umum."

Ketika ditanya mengenai hasil pertemuannya dengan Dr. Mahathir hari ini, Dr. Koh hanya berkata: "No comment, no comment."